

**FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM**

**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

TAJUK

“PEMEGANG KUKUR KELAPA”

DISEDIAKAN OLEH:

HISMAN BIN HASRAF	94834591
ZAIROLAZMAN BIN ZAMRI	94564151

OKTOBER 1997

penghargaan

Dengan nama Allah yang Maha pemurah lagi Maha penyayang.

Bersyukur kami ke hadratNya yang telah mengurniakan kekuatan dan kesihatan kepada kami untuk meneruskan dan menyiapkan projek ini.

Disini kami ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat penasihat projek ini iaitu Tuan Haji Yaakob bin Abdul Rahman Yang telah memberi bimbingan , bantuan serta nasihat yang berguna sepanjang menjalankan projek ini.

Ucapan terima kasih juga kami ucapkan kepada kakitangan bengkel mekanikal terutamanya Encik Abdul Halim bin Minar dan Encik Adam, juga kepada Encik Razif (CADEM) serta semua pensyarah dan kakitangan ITM yang terlibat secara lansung dan tidak lansung untuk menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga kepada semua rakan seperjuangan yang memberi sokongsn yang tidak terhingga sehingga projek ini berjaya.

Kandungan

1. Pengenalan	1
2. Objektif Projek.....	2
3. Komponen	3
Bahagian Lengan.....	3
Pemegang Kelapa.....	5
Penghubung Diantara Pemegang kelapa Dengan Lengan.....	7
Pembuka Pemegang Kelapa.....	9
4. Pengoperasian	11
Pemegang Kelapa.....	11
Lengan.....	13
Spring Lengan	15
Pembuka.....	17
Penghubung Clamp	19
5. Kos Projek.....	20
6. Alat-alat Fabrikasi.....	21
7. Kesimpulan	22

1. PENGENALAN

Pada zaman dahulu buah kelapa diparut menggunakan kukur kelapa. Ia dianggap mengambil masa yang agak lama dan boleh mengakibatkan sakit-sakit pada bahagian pinggang jika mengukur kelapa dengan jumlah yang besar. Kemudian terciptalah mesin pamarut kelapa yang lebih praktikal, memudahkan dan menjimatkan masa dan tenaga.

Walaupun demikian, mesin pamarut kelapa masih terdapat kekurangannya dari segi tahap keselamatan. Kebanyakan pengguna lebih-lebih lagi kaum wanita masih lagi takut-takut dan kurang yakin untuk menggunakan mesin pamarut kelapa kerana bimbang kalau-kalau berlaku kemalangan yang tidak disengajakan. Dari sini maka timbul idea untuk menambah suatu komponen lain untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan mesin pamarut kelapa. Dengan itu maka terciptalah pemegang kukur kelapa.

Penggunaan pemegang kukur kelapa ini lebih praktikal jika kita memarut kelapa dengan kuantiti yang besar kerana ia menjimatkan masa dan tenaga disamping menjamin keselamatan pengguna. Cara untuk menggunakan alat ini begitu mudah untuk semua tidak kira usia. Walaupun alat ini menjamin keselamatan pengguna, namun langkah-langkah keselamatan masih perlu diambil kira untuk mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini.

2. OBJEKTIF PROJEK

1. UNTUK KESELAMATAN

Sebab utama alat ini direka adalah untuk memberi keselamatan kepada para pengguna. Para ini pengguna yang mahir dan separuh mahir bebas menggunakan alat ini tanpa ada perasaan takut atau bimbang kalau-kalau berlaku kemalangan pada jari tanpa diduga. Jika menggunakan tangan, masalah yang selalu timbul adalah kadangkala tempurung kelapa tergelincir dari tangan dan ini boleh mengakibatkan kecederaan pada jari. Alat ini mampu mencengkam kelapa dngan baik.

2. MENAHAN GETARAN

Alat ini juga mampu untuk menahan getaran akibat dari putaran pamarut kelapa. Dengan itu segala tenaga yang diperlukan untuk memegang kelapa akibat dari getaran dan gegaran pada mesin pamarut kelapa dapat dikurangkan. Sedikit sebanyak tenaga manusia dapat dijimatkan walaupun kuantiti kelapa yang hendak diparut adalah besar.

3. MENJIMATKAN TENAGA

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini tenaga untuk memegang dan mencengkam kelapa dengan menggunakan tangan sedikit-sebanyak dapat dikurangkan. Ini adalah kerana kelapa dipegang oleh pemegang kukur kelapa dan berat pemegang pula ditampung oleh lengan. Faktor ini adalah penting jika kita hendak memarut kelapa dalam kuantiti yang besar.

4. SEBAB-SEBAB KESIHATAN

Salah satu kesan memarut kelapa dalam kuantiti yang banyak adalah sakit atau sengal-sengal pada jari. Alat ini mampu mengurangkan masalah-masalah yang tersebut diatas.